



30 APR 2021

## JABATAN PERTANIAN SABAH

### SYARAT UNTUK PENGIMPORAN KELAPA TUA BERKUPAS KE NEGERI SABAH

Tuan / Puan

Untuk makluman tuan/puan, negeri Sabah mempunyai keluasan penanaman kelapa seluas 17,041 ha dengan pengeluaran 55,337.10 Mts setahun. Sabah mampu mengeksport buah kelapa tua, kelapa muda serta produk kelapa seperti kopra dan santan kelapa Ke Negara Brunei Darussalam, Negeri Sarawak dan Semenanjung Malaysia. Eksport Kelapa & Produk Kelapa bagi tahun 2019 adalah Sebanyak 1,818.30 Mts (Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia) dan ini menunjukkan Sabah mempunyai kapasiti pengeluaran buah kelapa tua berkupas untuk kegunaan tempatan dan juga eksport.

Oleh itu, Jabatan Pertanian Sabah **HANYA** akan mempertimbangkan untuk memberi kebenaran kepada pihak yang ingin mengimport buah kelapa tua berkupas jika ianya untuk **DIPROSES** dalam negeri dan seterusnya dieksport. Kebenaran / kelulusan yang diberikan ini adalah tertakluk kepada pematuhan prosedur yang ditetapkan oleh Jabatan Pertanian Sabah iaitu:

- i. Memiliki kilang pemprosesan
- ii. Pengauditan perlu dilakukan ke atas kilang pemprosesan

Sekian dan Harap Maklum

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

  
(MUHIDIN HJ ISMAIL)  
Pengarah Pertanian Sabah

JR/hs

**“SABAH MAJU JAYA”**